

Nasrudin Hairan Dr M Iktiraf PAS Parti Islam
mStar Online
Jun 9, 2011
Oleh ARIFFUDDIN ISHAK

PETALING JAYA: Dewan Pemuda PAS hairan dengan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang secara sinis menyebut bahawa langkah parti pembangkang itu menggugurkan hasrat menubuhkan negara Islam memberi kemenangan besar kepada Pengerusi DAP, Karpal Singh.

Ketua Pemuda PAS, Nasrudin Hassan berkata, kenyataan bekas perdana menteri itu seolah-olah mengiktiraf parti tersebut sebagai parti Islam

"Sedangkan Dr Mahathir selama ini tidak pernah iktiraf PAS parti Islam. Siapa Tun Mahathir nak tegur tentang PAS?"

"Kenapa baru sekarang Tun Mahathir rasa keluh-kesah selepas kita nak tegakkan konsep negara berkeadilan?," katanya kepada mStar Online di sini, Rabu.

Nasrudin berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Dr Mahathir menerusi blognya bahawa Karpal adalah individu yang paling memperoleh kejayaan besar di sebalik tumbangannya golongan ulama dalam PAS.

Malah Dr Mahathir berkata, hasrat Karpal untuk melihat usaha PAS menegakkan negara Islam gagal akhirnya tercapai apabila Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri secara 'rasmi' menggugurkan hasrat menubuhkan negara Islam.

Bagaimanapun menyangkal dakwaan tersebut, Nasrudin berkata, PAS kini berada pada landasan betul untuk membangunkan negara berkeadilan.

"Inilah masalahnya kalau seseorang itu jahil tentang Islam, mereka akan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengarut.

"PAS kini berada di landasan untuk membangunkan konsep negara berkeadilan, perkara ini terkandung dalam agenda perjuangan Islam. Sebab itu saya ingin tegaskan bahawa PAS tidak pernah tinggalkan atau lupakan tentang agenda Islam," katanya.

Sementara itu ditanya mengenai pelbagai tanggapan yang timbul di kalangan akar umbi berhubung hala tuju parti itu selepas berakhirnya Muktamar Tahunan PAS ke-57 Ahad lalu, Nasrudin berkata beliau lebih gembira dengan perkembangan berkenaan.

Jelasnya, kekusaran berkenaan memberi isyarat bahawa ahli PAS mahu mengetahui dengan lebih terperinci mengenai dasar parti khususnya berkaitan dengan konsep negara berkeadilan.

"Perasaan tertanya-tanya di kalangan ahli dan rakyat itu sangat bagus. Bila mereka ada perasaan ingin tahu, ini memudahkan kita di peringkat pimpinan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai konsep baru tersebut," katanya

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D)

Source:

http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/9/mstar_berita/20110608155258&sec=mstar_berita